

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

HSI 342 Sejarah Asia Barat

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM SATU [1] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Islam adalah juga satu tamadun. Bincangkan hal ini dengan melihat kepada perubahan-perubahan yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam masyarakat Arab!
2. Perang dan damai merupakan soal yang lumrah dalam kehidupan manusia. Bincangkan soal perang dan damai dalam konteks Perjanjian Hudaibiyyah!
3. Kenapakah al-Hajjaj menjadi begitu kontroversi sedangkan beliau telah melaksanakan pembangunan dan memperkuuh Kerajaan Bani Umaiyyah?
4. Adakah Gerakan ‘Abbassiyyah merupakan suatu revolusi? Bincangkan hal ini bersabit dengan usaha-usaha untuk menegakkan Kerajaan ‘Abbassiyyah!
5. Apakah sebenarnya Perang Salib? Bincangkan hal ini secara kritis dan nilaikan peranan yang dimainkan oleh Salahuddin al-Ayubbi dalam perang tersebut.
6. Gerakan Syi‘ah mempunyai aliran yang pelbagai rupa. Ulaskan kenyataan ini dengan membezakan antara Ithna ‘Asyariyyah dengan Isma‘iliyyah!
7. Nilaikan secara kritis tentang kemajuan ilmu pengetahuan dan institusi-institusi pendidikan yang berkaitan dengannya pada zaman keagungan Daulah ‘Abbassiyyah!
8. Bincangkan bagaimana dan mengapa ‘Abdul Rahman al-Dakhil berjaya menegakkan kuasanya di Sepanyol.